

No. Sebut Harga : MPJ/JKP/UPA/PEL 01/2026



MAJLIS PERBANDARAN JASIN

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	No. Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	Jenis : SUV Jenama : Toyota Model : Fortuner 2.5G(D)A/T Tahun : 2010	MBY2030	1	5,949.51
2	Jenis : Sedan Jenama : Honda Model : Civic 1.8S Tahun : 2016	MCU493	1	27,270.00
3	Jenis : Lori Rigid – Luton/ Kotak Jenama : Hino Model : Lori Rigid Kargo Am Tahun : 2004	WLU4238	1	8,646.00
4	Jenis : Lori Rigid - Sampah Jenama : Isuzu Model : Trak Pembuang (Dumper Truck) Tahun : 2002	WJY1778	1	8,646.00

2. Aset boleh dilihat bermula dari **16 April 2026 hingga 23 April 2026** di antara jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang pada waktu bekerja di **Perkarangan Parking Kenderaan Bangunan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)**. Sila hubungi Puan Roziana binti Yakop di talian 06-5291245 (Unit Pengurusan Aset, JKP) untuk temujanji. Gambar aset juga dilampirkan bersama Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW-PA-27) ini sebagai rujukan.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang boleh diperolehi di laman sesawang Majlis Perbandaran Jasin <https://www.mpjasin.gov.my/> dan di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga **MPJ/JKP/UPA/PEL 01/2026** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**MAJLIS PERBANDARAN JASIN
VISTA ALAMANDA
77000 JASIN MELAKA**

5. **Tarikh tutup** sebut harga pada **23 April 2026 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(MUHAMMAD ZAHIRUDDIN BIN MOHD ZAHARI)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Jasin

Tarikh : **15 APR 2026**

Cap :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Pembida perlu mendapatkan bil cagaran daripada Unit Pengurusan Aset, MPJ bagi tujuan pembayaran. Saluran pembayaran adalah seperti berikut :
 - i. Kiosk Layan Diri MPJ; atau
 - ii. Aplikasi PBTPay.
3. Penyebut harga perlu melampirkan salinan resit bukti pembayaran bersama-sama Borang Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28);
4. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan;
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*);
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual;
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri;
8. **Pembeli yang berjaya** hendaklah **membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan; dan
9. **Pembeli yang berjaya** hendaklah **mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan jabatan.

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu/ Syarikat :

No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat :

Alamat :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN JASIN
VISTA ALAMANDA
77000 JASIN
MELAKA**

Tuan,

TAWARAN UNTUK SEBUT HARGA NO. MPJ/JKP/UPA/PEL 01/2026

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga

3. Bersama-sama ini disertakan salinan bukti pembayaran bil cagaran sebutharga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah yang bernilai RM_____ (Ringgit Malaysia_____)) yang didepositkan melalui Kios Layan Diri MPJ/ Aplikasi PBTPay.

4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

No. Telefon :

Cap Syarikat :